

▼02/08/13-26MS*

CNS4973

R GB 02-08 00184 BA509

bah

Mahathir - Bosnia

MALAYSIA 'TIDAK SANGGUP LAGI LIHAT' KEKEJAMAN KE ATAS RAKYAT BOSNIA
(EMBARGO; Untuk Siaran Selepas Pukul 10 Malam Ini)

Daripada Ali Mamat

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Ogos (Bernama) -- Malaysia sedang memberi perhatian serius kepada keadaan di Bosnia-Herzegovina kerana tidak sanggup lagi melihat umat Islam di sana terus menerus menghadapi kekejaman dan keganasan puak Serb, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk itu, Malaysia sedang berusaha dengan negara-negara lain untuk membantu rakyat Islam Bosnia mempertahankan nyawa dan hak mereka, katanya ketika berucap pada majlis Jamuan Negara di Istana Nurul Iman, di sini malam ini sempena lawatan rasmi beliau selama tiga hari ke Brunei bermula semalam.

Sultan Brunei Sultan Haji Hassanal Bolkiah turut berangkat ke majlis itu.

Perdana Menteri berkata, pandangan berat Malaysia itu sesuai dengan pendiriannya untuk menyumbang ke arah perdamaian dan kestabilan dunia dan membantu mereka yang malang.

Setakat ini Malaysia telah mengambil bahagian yang cergas dalam beberapa operasi keamanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), termasuk di Kemboja dan Somalia. -- Lagi.

▼02/08/12-35MS*

CNS4975

R GB 02-08 00169 BA510

bah

Mahathir - Bosnia 2 Bandar Seri Begawan (EMBARGO)

Dr Mahathir kesal kerana laungan (rakyat Islam Bosnia) meminta pertolongan dan bantuan untuk mempertahankan diri langsung tidak dihiraukan oleh negara-negara Kropah.

Dalam hal itu, kerajaan Malaysia menyambut baik apa jua sokongan dan bantuan Kerajaan Brunei bagi menyelamatkan negara Bosnia-Herzegovina.

Mengenai hubungan Malaysia-Brunei, Dr Mahathir berharap dengan adanya persetujuan untuk menubuhkan Suruhanjaya Bersama antara kedua-dua negara, usaha ke arah kerjasama dua hala yang lebih luas dipercayai dapat dipertingkatkan lagi dan apa-apa masalah yang dihadapi bersama dapat diselesaikan secara aman dan semangat persaudaraan.

"Persefahaman dan kerjasama ini begitu penting bukan sahaja sebagai asas keamanan dan kestabilan di rantau kecil ini, tetapi juga sebagai sumbangan positif terhadap keamanan dan kestabilan di seluruh Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata, hubungan erat antara Malaysia dan Brunei akan meningkatkan lagi kegemilangan bangsa dan budaya Melayu yang kaya dan perlu digembur serta dipupuk agar terus subur dan mendapat tempat yang dihormati dalam budaya antarabangsa. -- Lagi.

▼02/08/12-36MS*

CNS4976

R GB 02-08 00191 BA511

bah

Mahathir - Bosnia 3 (akhir) Bandar Seri Begawan (EMBARGO)

Beliau gembira Malaysia dan Brunei telah bekerjasama rapat dan saling bantu-membantu dalam ASEAN dan forum-forum antarabangsa seperti PBB dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Kerjasama ini lahir kerana Malaysia dan Brunei mempunyai pandangan dan pendirian yang sama mengenai isu-isu penting yang melibatkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau dan antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri menyatakan penghargaannya kepada Sultan Brunei atas sokongan negara ini kepada beberapa inisiatif yang diambil oleh Malaysia termasuk Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAKC) yang sekarang mendapat persetujuan negara-negara Asia Timur.

Beliau juga menegaskan peri pentingnya anggota ASEAN mengadakan kerjasama yang menyeluruh antara mereka agar ASEAN benar-benar teguh dan bersatu bagi menghadapi tekanan dan cabaran dari mana-mana pihak.

"Sambil mengalu-alukan kerjasama dan sokongan negara luar, ASEAN haruslah menjadi penggerak utama dan menerajui apa juga usaha berkaitan ekonomi, keamanan dan kestabilan Asia Tenggara.

"Kemampuan ASEAN telah jelas terbukti daripada kejayaan yang dicapai dalam usaha mencari penyelesaian masalah Kemboja, persetujuan menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (APFA) dalam jangka waktu 15 tahun dan persetujuan menubuhkan EAKC," katanya. -- Bernama.

AM NMO